

LAFAZ FIKIR, ZIKIR DAN USLUB AL-QURAN

NUR AMALINA BINTI MUSTAFA KAMAL
amalinamk95@gmail.com

SAHLAWATI ABU BAKAR
sahlawati@kuis.edu.my

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan mengenai lafaz fikir dan zikir yang terdapat di dalam al-Quran dengan menggunakan metode analisis kalimah secara maudhu'i. Kajian ini juga membahaskan lafaz fikir dan zikir yang mengandungi ayat-ayat kauniyyat sahaja. Matlamat kajian ini adalah untuk membahaskan bahawa setiap hikmah dan pengajaran di dalam al-Quran yang menyebut dua kalimah al-tafakkur dan al-tazakkur itu disampaikan kepada kita melalui pelbagai uslub seperti perumpamaan, kisah pengajaran, dialog, hukum-hakam, keunikan dan kelebihan segala ciptaan Allah s.w.t dan sebagainya. Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan fikir secara keseluruhan disebut sebanyak 18 kali dan kalimah zikir yang terdapat dalam ayat kauniyyat disebut sebanyak 11 kali di dalam al-Quran. Manakala, perkataan zikir di dalam al-Quran disebut sebanyak 292 kali secara keseluruhan dan dalam ayat kauniyyat sahaja disebut sebanyak 29 kali. Hasil kajian juga mendapati uslub al-Quran didatangkan dalam tiga contoh iaitu pertama dalam menyuruh sesuatu perbuatan, kedua dalam mencegah sesuatu perbuatan dan ketiga dalam memberi hak pilihan mengerjakan sesuatu.

Kata kunci: fikir, zikir, kauniyyat, uslub al-quran.

1.0 Pendahuluan

Al-Quran merupakan kitab yang mengandungi pelbagai hikmah dan pengajaran. Setiap hikmah dan pengajaran tersebut disampaikan kepada kita melalui pelbagai uslub seperti perumpamaan, kisah pengajaran, dialog, hukum-hakam, keunikan dan kelebihan segala ciptaan Allah s.w.t dan sebagainya. Namun, perkara penting yang perlu kita sentiasa ingat, misi Al-Quran diturunkan adalah untuk memperkenalkan kepada kita siapakah Allah s.w.t. Ayat pertama bagi surah Al-Fatihah merupakan permulaan Allah s.w.t memperkenalkan diriNya sebagai Tuhan yang Maha lemah-lembut. Berdasarkan 99 sifatNya, Allah s.w.t lebih suka menzahirkan sifat "Rahman dan Rahim" (Maha Pengasih dan Maha Penyayang) bagi menambat hati manusia.

Dalam bab ini, pengkaji akan memfokuskan definisi kalimah *al-tafakkur* dan *al-tazakkur* di dalam Al-Quran untuk mencapai objektif pertama dalam kajian ini. Selain itu, di dalam bab ini juga pengkaji akan menerangkan uslub di dalam Al-Quran beserta contohnya di dalam Al-Quran.

2.0 Makna Fikir

Dalam kitab Lisan al-Arab oleh al-Imam Ibn Manzur al-Ifriqi (t.t) mendefinisikan kalimah *fakara* iaitu lintasan ingatan pada sesuatu. Tambahan pula, kitab Al-Mu'jam al-Wasit oleh Dha'if (2004) menyebut lafaz *fakara* bermaksud menggunakan akal (*i'mal al-'aql*) dalam suatu masalah dengan tujuan untuk mencari penyelesaian dari masalah tersebut. Manakala, lafaz *fakkara* pula bermaksud melampau dalam berfikir. Dalam kamus Al-Mawrid oleh Dr.Rohi Ba'albaki (1995), *tafakkur* merujuk pada kata *tafkit* yang membawa maksud *thinking*, *cerebration*, *consideration*, *contemplation*, *reflection*, *meditation*, *cogitation*, *muse*, *speculation*, *thought*, dan *reasoning*. *Thinking* bermaksud berfikir; *cerebration* merupakan cara berfikir atau fikiran; *consideration* bererti pertimbangan; *contemplation* pula bermaksud merenung; *reflection* bererti pemikiran; *meditation* bermaksud meditasi atau menumpukan sepenuh fikiran terhadap sesuatu dengan mendalam, perbuatan bertafakkur; *cogitation* bermaksud renungan atau kenangan; *muse* bererti merenungkan atau memikirkan; *speculation* bererti pemikiran atau renungan; *thought* bererti pemikiran; dan *reasoning* bererti pemikiran atau pertimbangan.

Menurut Nasr Hamid Abu Zaid (2015), *tafakkur* adalah kekuatan dalam berfikir terhadap apa yang dilihat. Utsman Nuri Topbas pula mendefinisikan dalam bukunya At-Tafakkur Fi Al-Kawn Wa Al-Insan Wa Al-Quran (2012), *tafakkur* adalah mendalami dan menyelami sesuatu untuk mengambil pelajaran.

3.0 Makna Zikir

Zikir menurut al-Imam Ibn Manzur al-Ifriqi (t.t), *al-dzikr* didefinisikan sebagai menjaga memelihara sesuatu. Begitu juga bagi kalimah *tazdhikrah* dan *al-dhikr* juga bermaksud sesuatu yang digerakkan dengan lisan. Kalimah *dhakara* disebut dalam Al-Quran dalam surah Al-Dhariyat ayat 55 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman.

Manakala, M. Fakhruzz Rozie (2016) mendatangkan kalimah zikir yang bermaksud mengambil peringatan dalam surah Hud ayat 24:

* مَثُلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَى وَالْأَصْمَى وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ هَلْ

يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا أَفَلَا تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

Bandingan dua golongan (yang kafir dan yang beriman) itu samalah seperti orang yang buta serta pekak, dengan orang yang celik serta mendengar; kedua-dua golongan itu tidaklah sama keadaannya.

(setelah kamu mengetahui yang demikian) maka tidakkah kamu
mahu mengambil peringatan dan insaf?

Ayat tersebut menunjukkan bahawa lafaz *dhakara* yang membawa maksud peringatan merupakan sesuatu yang memberi manfaat kepada orang yang mempunyai keimanan kepada Allah SWT. Hal ini kerana, hati yang terikat dengan Allah sentiasa merasakan hidup dan terpanggil dengan peringatan yang baik dalam menjalani urusan dunia dan urusan akhirat dengan mengingati Allah SWT.

Seterusnya, takrif kalimah *dhakara* ini dalam kitab Al-Mu'jam al-Wasit oleh Dha'if (2004) mengatakan ia yang digerakkan oleh lisan selepas terlupa akan sesuatu. Manakala, dalam kamus Al-Mawrid oleh Dr.Rohi Ba'albaki (1995), *dhakara* yang membawa maksud *to mention, make mention of*; iaitu menyebut. *Dhakkara* pula bermaksud *to remind of*; iaitu mengingatkan.

4.0 Definisi Uslub Dalam Al-Quran

Dalam Kamus Al-Mawrid (1995), uslub didefinisikan sebagai *style, way, method, procedure, technique, manner, mode, fashion, pattern*. Manakala, yang dimaksud dengan uslub Al-Quran adalah gaya atau metod Al-Quran dalam menyampaikan perintah, larangan, memberi pilihan, dan sebagainya (Asep Sopian, t.t)

5.0 Contoh Uslub Dalam Al-Quran

Menurut Asep Sopian (t.t), Al-Quran mengandungi ayat yang berbentuk menyuruh, melarang, dan memberi pilihan kepada hamba, bukan hanya menggunakan satu uslub sahaja. Berikut merupakan uslub-uslub yang terdapat di dalam Al-Quran, antaranya:

i. Uslub Dalam Menyuruh Sesuatu Perbuatan

Al-Quran menuntut kita mengerjakan suatu amalan atau pekerjaan dengan menggunakan uslub menyuruh dengan jelas menggunakan kata suruhan, seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nahl ayat 90:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسِنَاتِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

ii. Uslub Dalam Mencegah Sesuatu Perbuatan

Dalam mengungkapkan larangan, Al-Quran menggunakan uslub dengan jelas menggunakan kata mencegah, seperti dalam surah Al-Nahl ayat 90:

... وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ... ﴿٩٠﴾

Maksudnya:

Dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman.

iii. Uslub Dalam Memberi Hak Pilihan Mengerjakan Sesuatu

Menyandarkan kata "halal" kepada pekerjaan atau dikaitkan dengan pekerjaan, seperti dalam surah Al-Maidah ayat 1:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَأْتُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ إِذَا حَلَّتْ لَكُمْ هِيَمَةً أَلَا نَعْمِلُ إِلَّا
مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ حُلْيِ الصَّيْدِ وَإِنْتُمْ حُرُمٌ إِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang ia kehendaki.

Menurut kenyataan di atas, jelas kepada kita bahawa Al-Quran mempunyai beberapa uslub yang digariskan sebagai panduan dan petunjuk kepada manusia sekalian alam. Uslub menyuruh sesuatu perbuatan, mencegah, dan uslub memberi hak pemilihan mengerjakan sesuatu. Sebagai hamba yang menyakini janji-janji Allah SWT dan mempunyai keyakinan serta keimanan terhadap Allah SWT, kita wajib melaksanakan apa yang diperintahkan dan wajib meninggalkan segala laranganNya walaupun keinginan atau kesukaan kita lebih cenderung kepada nafsu. Oleh itu, ia memerlukan peringatan dan memikirkan impak dan kesan sekiranya larut dalam suasana yang merai hawa nafsu yang mendorong kepada kelalaian dan maksiat.

6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, Al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. merupakan rujukan yang utama kepada kita yang beragama Islam. Al-Quran adalah kalam Allah s.w.t. yang agung, bukan ciptaan manusia yang merupakan kalam yang sangat berbeza dari perkataan manusia atau makhluk lain.

Kebenaran dapat disampaikan kepada seseorang melalui berbagai cara, dengan sangat terperinci beserta semua bukti yang ada. Namun, jika seseorang tidak mengambil pelajaran atau memikirkan sendiri kebenaran yang ada secara ikhlas dan jujur dengan tujuan memahami kebenaran, segala usaha tersebut tidak akan membawa kesan yang bermakna. Oleh kerana itu, ketika para rasul menyampaikan risalah kepada umat mereka, mereka menyampikannya secara jelas kemudian mengajak mereka mengingati dan memikirkannya.

Seseorang yang berzikir dan berfikir akan memahami akan rahsia-rahsia ciptaan Allah s.w.t., kebenaran mengenai kehidupan di dunia, kewujudan syurga dan neraka, dan kebenaran hakiki dari segala sesuatu. Kebenaran ini akan sampai kepada pemahaman yang mendalam akan pentingnya menjadi seseorang yang dicintai Allah, melaksanakan ajaran agama secara benar, menemukan sifat-sifat Allah bagi segala sesuatu yang ia lihat, dan mula berfikir dengan cara yang tidak sama dengan kebanyakan manusia sebagaimana cara yang dipandu berdasarkan Al-Quran dan sunnah.

Ini merupakan sedikit dari keutamaan-keutamaan yang diperoleh seseorang yang berzikir dan berfikir di dunia. Balasan di akhirat untuk orang yang sentiasa mencari kebenaran dengan berzikir dan berfikir adalah kecintaan, keredaan, kasih sayang dan syurga Allah s.w.. Sebaliknya, satu hari pasti akan datang ketika mereka yang semasa masih di dunia tidak mahu memikirkan kebenaran akan berzikir dan berfikir. Namun, pada hari itu berzikir dan berfikir tidak akan berguna bagi mereka. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Nazi'at ayat 34 – 36:

فَإِذَا جَاءَتِ الْطَّامِةُ الْكُبْرَىٰ يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَنُ مَا سَعَىٰ

وَبُرْزَتِ الْجَحِيمُ لِمَنْ يَرَىٰ

Maksudnya:

Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar. Iaitu hari manusia akan mengingati apa yang telah diusahakannya, dan neraka diperlihatkan kepada sesiapa sahaja yang dapat melihatnya.

7.0 Rujukan

Asep Sopian. t.t. Jadil dan Uslub-uslub Al-Quran. 1-29.

Dha'if. 2004. *Mu'jam al-Wasit*. Cetakan keempat. Qaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyah.

Ibn Mandhur al-Ifriqi. t.t. *Lisan al-Arab*. Jilid 5 & Jilid 6. Mesir.

M.Fakhrul Rozie. 2016. *Zikir dan Kecerdasan Intelektual, Emosional, Spiritual dalam Al-Quran*. Disertasi. Program Pascasarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.

Nur Ahmad. 2015. *Kajian Hermeneutika Al-Qur'an Kontemporer: Telaah Kritis Terhadap Model Hermeneutika Nasr Hamid Abu Zaid*. Hermeneutik, Vol. 9, No 1, 115-138.

- Rohi Ba'albaki. 1995. *Al-Mawrid Qamus 'Arabi-Inkilizi*. Beirut, Lebanon: Dar Al-'Ilm Lilmalayin.
- Utsman Nuri Topbas. 2012. *At-Tafakkur Fi Al-Kawn Wa Al-Insan Wa Al-Quran*. Istanbul: Penerbit Erkam.